

# Pengguna mengeluh caj parkir mahal

**K**emudahan parkir awam yang dikendalikan oleh pengendali swasta bagaikan menjerut leher warga kota. Ini kerana caj yang dikenakan amat tinggi dan tidak masuk akal. Caj tanpa kawalan menjadi punca pengendali parkir meletakkan harga sesuka hati. Solusi perlu dicari bagi menyelaras semua caj parkir agar tidak membebankan pengguna. Wartawan Sinar Harian, Izwan Rozlin menyelami keluhan warga kota yang terbeban akibat terpaksa mengeluarkan belanja besar setiap bulan hanya untuk membayar parkir.

**W**arga kota mengeluh kerana caj parkir di sekitar bandar raya ini disifatkan terlalu tinggi dan membebankan.

Tinjauan Sinar Harian mendapati keadaan itu menyebabkan mereka yang memandu kereta ke tempat kerja berada dalam dilema kerana perlu mengeluarkan kos yang besar setiap bulan hanya untuk membayar parkir.

Bagi pekerja swasta, Khadijah Hanani, 24, berkata, caj parkir yang terlalu tinggi amat menyusahkan dan tidak munasabah.

“Saya hendak beli barang sekejap sahaja di sini, tetapi sebab tiada pilihan lain terpaksa juga masuk parkir yang cajnya akan meningkat RM5 setiap setengah jam.



MUHAMAD HAZIQ

ABU HURAIRAH

KHADIJAH

AZRUN

“Caj RM5 setiap setengah jam itu bagi saya melampau kerana Kuala Lumpur bukan kawasan terpencil tetapi sebuah bandar raya, jadi tidak logik bayaran sebegini mahal dikenakan kerana kawasan itu akan dikunjungi orang setiap masa,” luahnya.

Menurut Khadijah, dia terpaksa berbelanja sehingga RM20 sehari semata-mata untuk membayar caj parkir dan ia cukup memeritkan dan membazir.

Bagi penghantar barang, Abu Hurairah Adam, 25, mengakui caj parkir yang mahal menyebabkan dia memilih menggunakan motosikal untuk menyelesaikan tugasannya.

“Tapi bila hujan memang terpaksa guna kereta, bayangkan nak parkir tak sampai 15 minit dah dikenakan bayaran RM6 hingga RM7, memang tak berbaloi langsung.

“Sepatutnya parkir bawah 15 minit bagilah percuma, ini tak, selagi boleh caj, dia caj mahal-mahal,” kata Abu Hurairah.

Sementara itu, Muhamad Haziq Zuhaimi, 30, memberitahu, dahulu caj parkir di kawasan Kuala Lumpur tidaklah semahal sekarang.

“Bayangkan, 10 tahun lalu bayaran parkir sekitar RM2 hingga RM5 sekali masuk, sepatutnya bayaran harus diken-

kan mengikut tempoh berapa lama perkhidmatan parkir digunakan.

“Kami hanya rakyat biasa makan gaji, kalau dah suku gaji habis bayar parkir, siapa yang kaya?” katanya dalam nada sinis.


Tambahnya, lebih sakit hati apabila pengendali parkir syarikat swasta juga dilihat mengaut keuntungan besar setiap musim perayaan dengan menggandakan bayaran parkir.

Bagi pekerja bank, Azrun Mohd Ali, 39, dia memilih untuk menggunakan parkir yang disediakan majikan kerana ternyata ia lebih selamat.

“Syarikat memang ada sediakan parkir, perkara penting adalah keselamatan kerana jika bayar parkir mahal tapi keselamatan tak terjamin juga membahayakan, sebab kawasan bandar ramai penjenayah,” ujarnya yang pernah menyaksikan seorang wanita diragut ketika hendak pulang dari tempat kerja.

“Macam kawasan parkir yang terletak di tempat sunyi, mereka (penjaga) bila dah petang terus ‘cabut’ balik rumah tinggalkan kereta pelanggan begitu sahaja.

“Kawasan parkir sepatutnya diawasi selagi kereta pelanggan belum habis keluar,” katanya.



Kawasan parkir di Jalan Ampang, Kuala Lumpur.